

**TAWARAN MENYERTAI SKIM SANGKUTAN DAN LATIHAN (SSL)
BAGI GRADUAN SISWAZAH DAN DIPLOMA YANG BELUM MENDAPAT PEKERJAAN**

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia berasal dari Sabah yang berkelayakan untuk menyertai Skim Sangkutan dan Latihan (SSL) bagi Graduan Siswazah/Diploma yang belum mendapat pekerjaan seperti berikut:-

(i) Graduan Siswazah

No. Notis	:	JPAN Bil.(I)10/2017
Penempatan	:	Pelbagai Kementerian/Jabatan Kerajaan Negeri Sabah
Elaun	:	RM1000.00 Sebulan
Tempoh Latihan	:	Lapan (8) bulan * Tertakluk kepada prestasi semasa*

(ii) Diploma

No. Notis	:	JPAN Bil. (D)8/2017
Penempatan	:	Pelbagai Kementerian/Jabatan Kerajaan Negeri Sabah
Elaun	:	RM800.00 Sebulan
Tempoh Latihan	:	Lapan (8) bulan * Tertakluk kepada prestasi semasa*

2. SYARAT KEMASUKAN

Pemohon hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) Warganegara Malaysia (yang mana ibu dan bapa berasal dari Sabah);
- (b) Graduan dan pemegang Diploma yang belum mendapat pekerjaan;
- (c) Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; **(Bagi Graduan Siswazah)**
- (d) Diploma yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; **(Bagi pemegang Diploma)**

dan

- (e) **Lulus Sijil Pelajaran Malaysia** atau yang setaraf dengannya serta **Kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu** (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

3. CARA MEMOHON

- 3.1 Permohonan hendaklah dibuat melalui laman web <http://www.sabah.gov.my/jpan/>
- 3.2 Permohonan yang diterima daripada calon-calon yang tidak memiliki kelayakan yang disyaratkan **tidak akan dilayan dan ditolak**.
- 3.3 Pemohon yang tidak mengisi maklumat dengan jelas dan lengkap dalam semua ruang yang disediakan **tidak akan dipertimbangkan**.
- 3.4 Pemohon-pemohon yang tidak mendapat sebarang jawapan selepas **31 Disember 2017**, hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- 3.5 Pihak Kerajaan Negeri **tidak terikat untuk memberi pekerjaan tetap atau sementara** kepada para peserta skim selepas menamatkan latihan.
- 3.6 Tarikh tutup permohonan adalah : **08 Disember 2017**
- 3.7 Keputusan pemilihan calon SSL adalah **muktamad**.